



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



**SIARAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**“LAKAR WANITA” MENGANGKAT PERANAN PENGKARYA  
SENI VISUAL WANITA TEMPATAN DALAM BIDANGNYA.**

**KUALA LUMPUR, 18 Julai 2018–** Balai Seni Negara, sekali lagi mengiktiraf peranan wanita dalam perkembangan seni tanah air dengan mengangkat Pameran “Lakar Wanita” di dada galeri. LAKAR WANITA merupakan kumpulan artis wanita tanah air yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dari pelbagai bidang dan artis wanita sepenuh masa.

Objektif utama pameran ini untuk membuka peluang kepada pelukis Lakar Wanita melibatkan diri secara aktif dan berkongsi idea secara visual dengan peminat seni. Ianya juga bertujuan memupuk masyarakat rasa cintakan seni dan memberi pendedahan kepada protégé para artis Lakar Wanita dengan berpameran.

Pameran ini memaparkan 52 karya dari pelbagai teknik seperti catan, cetakan digital, jahitan dan media campuran dari 13 orang pelukis (4 mentor dan 8 Protégé) dari pelbagai aliran. Sifat sensitif dan kewanitaan jelas terlihat dari visual karya-karya yang terhasil, penggunaan bahan, teknik dan luahan idea yang mencerminkan identiti masing-masing.

Pameran ini dibuka untuk orang ramai pada 27 Jun 2018 dan tamat pada 22 Julai 2018, di Galeri Creative Space, Balai Seni Negara. Majlis perasmian pameran ini akan diadakan pada 18 Julai 2018 pada jam 3 petang dan disempurnakan oleh Profesor Siti Zainon Ismail, Budayawan Malaysia. Orang ramai adalah dijemput hadir dan masuk adalah percuma.

# # #

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Balai Seni Negara**  
**No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak**  
**53200 Kuala Lumpur**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)